

Pusat Citra UKM jayakan program khidmat masyarakat



PENSYARAH dan mahasiswa UKM yang menyertai program Khidmat Masyarakat di Pusat Jagaan Kanak-kanak Yatim dan Miskin Rukaiyah, Kajang, Selangor baru-baru ini.

SERAMAI sembilan pelajar dan dua pensyarah dari Fakulti Sains dan Teknologi (FST) Universiti Kebangsaan Malaysia terlibat dalam menjayakan Program Khidmat Masyarakat di Pusat Jagaan Kanak-kanak Yatim dan Miskin Rukaiyah di Kajang, Selangor baru-baru ini.

Pengarah Pusat Citra UKM Prof. Dr. Khaidzir Ismail berkata, selain membentuk warga kampus prihatin, program sehari itu bertujuan memberi peluang kepada mahasiswa mengaplikasikan ilmu yang dipelajari selama ini.

Beliau menambah, selain itu ia dapat meningkatkan daya kepimpinan dan kreativiti mahasiswa dalam persediaan sebelum melangkah ke alam pekerjaan.

“Alhamdulillah, kesemua peserta, sama ada pelajar mahupun pensyarah menunjukkan semangat kerjasama dan keprihatinan yang tinggi tanpa memikirkan penat lelah sepanjang program ini.

“Pelbagai aktiviti telah diadakan seperti kelas pengajian al-Quran, kelas fardhu ain, kelas komputer, tazkirah usrah, program motivasi, gotong-royong, lawatan sambil belajar, sukaneka, kelas bimbingan akademik dan kelas renang,” katanya.

Dr. Khaidzir berkata, di samping menggalakkan pelbagai agensi menjalankan program berbentuk tanggungjawab sosial korporat (CSR), program itu juga mampu memberi nilai tambah kepada mahasiswa sekali gus membentuk mereka menjadi modal insan berkualiti.

“Program ini dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran teknikal mahasiswa serta menanam sikap tanggungjawab dan prihatin terhadap masyarakat.

“Justeru, kami merancang untuk terus menabur bakti melalui kerja-kerja kebajikan seumpama ini pada masa depan namun dalam skop kerja yang berlainan,” katanya.